

Lawatan strategik serantau PM cermin agenda baharu diplomatik

- Lawatan rasmi Perdana Menteri ke negara jiran terdekat rantau ASEAN memperkasa rangkaian strategik negara, sekali gus menjamin kepentingan dan pulangan jangka panjang

- Siri lawatan Anwar dijadikan sandaran rakan serantau dan Barat dalam merealisasikan aspirasi serta agenda di Indo Pasifik dan Asia Tenggara



Oleh Collins Chong Yew Keat
bhrencana@bh.com.my

Siri lawatan ke negara serantau oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim sebenarnya mencerminkan kepentingan dasar orientasi baharu negara dalam merencana transformasi anjakan wadah dan imej baharu Malaysia.

Penolong Pendaftar
Universiti Malaya
(UM)

Dengan perubahan geopolitik dan cabaran ekonomi serta keperluan kritikal jaminan keselamatan, lawatan itu memperkasa rangkaian strategik negara, sekali gus menjamin kepentingan dan pulangan jangka panjang.

Negara jiran serantau menjadi barisan pertama dalam pentas memperkukuh integrasi dan kesepaduan kekuatan ekonomi dalam usaha memacu jaminan sumber ekonomi kritikal serta keselamatan rantaian bekalan, makanan dan sumber asli baharu.

Lawatan ke Singapura memperbaharui orientasi pertalian dua negara dengan negara itu mengharapkan sandaran kritikal baharu terhadap Malaysia dalam menjamin kelangsungan masa depan serta pulangan geopolitik.

Impak pandemik dan persaingan Beijing-Washington mencipta kebimbangan baharu kepada Singapura yang mengharapkan daya saing ekonomi negara berlandaskan ekonomi perkhidmatan dan kewangan tidak lumpuh, sekali gus memastikan jaminan keselamatan makanan dan rantaian bekalan yang memerlukan sokongan Malaysia.

Bagi Malaysia, Singapura kekal sebagai antara sekutu ekonomi utama dalam memastikan aliran perdagangan dan pertukaran modal insan serta pelaburan kekal berdaya saing.

Dari segi percaturan geopolitik, ancaman bersama lebih kritikal dihadapi Malaysia dan Singapura memerlukan kedua-dua negara mencipta titik tolak baharu untuk merentasi kekusaran konvensional.

Kedua-dua negara masih memerlukan sokongan dan kebergantungan strategik bersama untuk memperkukuh kapasiti cegah rintang serta membekalkan pulangan lebih efektif.

Ini menjadi faktor baharu kepada Singapura

untuk memperlakukan skop pendirian dalam kes Batu Puteh yang sedar hubungan jangka panjang lebih strategik dan menyeluruh dengan Malaysia memberikan pulangan lebih penting berbanding membiarkan pertikaian lama menghambat percaturan baharu.

Singapura lebih berorientasikan Barat dengan ketersediaan memberikan akses pangkalan ketenteraan kepada Washington, pasti gusar dengan implikasi konflik di Laut China Selatan serta potensi impak domino daripada konflik di Taiwan.

Pemangkin kerjasama lebih erat

Sebarang risiko konflik membabitkan Singapura secara langsung memberikan impak kepada Malaysia dan begitu juga sebaliknya. Pertalian pertahanan, termasuk Perjanjian Pertahanan Lima Negara (FPDA) turut menjadi pemangkin kerjasama lebih erat.

Lawatan ke Thailand dan Filipina turut mencerminkan realiti sama dengan negara jiran di utara memerlukan kelebihan Malaysia dari segi jaminan pemacu ekonomi baharu terutama sektor semikonduktor, ekonomi digital serta sumber baharu hijau.

Thailand juga memerlukan insentif dan suntikan kemasukan pelaburan serta keyakinan pelabur asing dalam merebut peluang hasil persaingan ekonomi Sino-Amerika, yang penghijrahan dan fokus baharu institusi serta syarikat gergasi, termasuk Apple dari China ke arah Asia Tenggara sebagai platform baharu.

Bangkok pasti sedar jurang antara Hanoi dengan Kuala Lumpur yang mempunyai kelebihan faktor tarikan dalaman dan berdaya saing, selain kepentingan memperkukuh geopolitik dan pertahanan.

Bagi Malaysia, Thailand turut menjadi rakan pertahanan dan strategik penting apatah lagi peranan negara itu dalam arena geopolitik, terutama dalam memberikan pulangan kepada percaturan Beijing dan Washington.

Kedudukan geostrategik Thailand berupaya menempatkan sokongan dan pangkalan ketenteraan membolehkan akses langsung kepada arena percaturan kuasa baharu di Laut Andaman dan Nicobar Island Chain yang menjadi pintu masuk ke Selat Melaka.

Pertalian Bangkok-KL dipacu kebergantungan

ekonomi dan hubungan jalaran 'low politic' lain, termasuk pelancongan, sukan, pertukaran modal insan serta jalinan pembangunan pendidikan dan sosioekonomi, sekali gus menjadi faktor perangsang kepada hubungan lebih erat dalam 'high politic'.

Lawatan ke Filipina pula menjadi penanda aras baharu dalam memeterai kesefahaman dan komitmen dua hala untuk memfokuskan usaha serta keyakinan bersama dalam mempertingkatkan hubungan pertahanan dan keselamatan.

Ini menjadi nadi utama dalam menghadapi realiti keselamatan sedia ada sekarang dengan kedua-dua negara menghadapi skop ancaman serupa, terutama dilema konflik di Laut China Selatan.

Bentuk ikatan sedia

Dalam menghadapi potensi ancaman dari Beijing dan usaha sama mencipta barisan cegah rintang bersepadu, Manila dan Kuala Lumpur mempunyai lebih banyak faktor penarik dalam membentuk ikatan sedia ada untuk meraih kekuatan masing-masing.

Ini dapat memacu tindak balas efisien dan percaturan tayangan kuasa di Laut China Selatan, terutama di kawasan titik utama yang menyaksikan kewujudan aset ketenteraan Beijing berpotensi mewujudkan ketegangan dan peningkatan kaedah paksaan dan penggunaan 'grey zone tactic' serta tayangan kuasa ofensif.

Manila kini giat membuka pangkalan dan platform baharu kepada kuasa laut Washington, terutama di Subic Bay, sedar dan gusar mengenai ketidakupayaan membentuk barisan cegah rintang berkesan memerlukan sokongan langsung kekuatan Amerika Syarikat (AS).

Dalam konteks ini, Washington dan Manila turut menagih jaminan sokongan Malaysia untuk menyertai jaringan kebersamaan dalam membentuk integrasi sokongan strategik lebih sistematik dalam menghadapi ancaman Beijing.

Ini membolehkan Barat dan Washington meraih pulangan peningkatan kapasiti tayangan kuasa dan cegah rintang empat berangkai di Laut China Selatan daripada Singapura, Filipina, Vietnam dan Malaysia.

Keputusan strategik Manila-KL ini dicorak dari sudut keselamatan dan pertahanan selain ekonomi, sekali gus dicerminkan dalam ketersediaan kedua-dua pihak merentasi halangan dan polemik lama.

Sebaliknya kedua-dua negara berusaha menyelesaikan kemelut selatan Filipina, Barisan Pembebasan Islam Moro (MILF) dan impak dilema tuntutan Sulu dengan Manila akan memastikan ia tidak memberikan impak negatif kepada kepentingan dan keperluan untuk mencipta skop lembaran baharu hubungan strategik.

Realitinya, lawatan strategik serantau ini bukan sahaja menjadi simbol orientasi dasar luar Malaysia cuba yang terpaksa berlumba dengan masa berdasarkan desakan semasa, bahkan ia turut dijadikan sandaran rakan serantau dan Barat dalam merealisasikan aspirasi dan agenda di Indo Pasifik dan Asia Tenggara untuk memastikan pulangan geopolitik terjamin dan kelangsungan negara terus dipelihara.

